

→ MASYARAKAT

(FOTO EIZAIRI SHAMSUDIN/BH)



Keadaan tiang Blok 4 Flat PKNS Jubli Perak, Seksyen 4 Bandar Baru Bangi.



Penghuni diarah berpindah atas faktor keselamatan.



Penduduk melihat tiang retak dan serpihan yang berserakan di lantai.



Penghuni mula berpindah keluar.

300 penghuni pindah tiang flat retak

➔ Arkitek PKNS, JKR ambil masa tiga hari sahkan status keselamatan blok

Oleh Kalbana Perimbanayagam
cnews@nstp.com.my

Bandar Baru Bangi

Lebih 300 penduduk Blok 4, Flat PKNS Jubli Perak di Seksyen 4, di sini, yang terjejas kerana tiang di bangunan berkenaan mengalami keretakan serius, akan dipindahkan ke dewan sekolah buat sementara waktu bagi menunggu pihak berkuasa dan arkitek melakukan pemeriksaan tahap keselamatan.

Penduduk daripada 48 unit di flat empat tingkat itu akan dipindahkan ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Tiga, terletak kira-kira dua kilometer, bermula dari jam 6 petang semalam hingga tengah malam tadi.

Pegawai Daerah Kajang, Datuk Rosli Othman memberi perintah evakuasi selepas diberi taklimat mengenai keadaan flat itu oleh pihak berkuasa ketika lawatannya ke tempat kejadian petang semalam.

Beliau berkata, sementara menunggu pemeriksaan keselamatan, penduduk diberi pilihan sama ada tinggal di pusat pemindahan atau di kediaman saudara mereka.

"Bagaimanapun, mereka mesti mendaftarkan pemindahan keluar di pusat operasi sementara yang dibuka di kawasan letak kereta flat bagi memastikan semua maklumat penghuni dikumpul jika berlaku sebarang insiden kerana barang mereka masih berada dalam rumah," katanya ketika ditemui di

Kami bersyukur kerana penduduk lebih awal sedar keadaan tiang retak sebelum situasi menjadi lebih buruk. Ia umpama bom jangka yang boleh meletup pada bila-bila masa. Sebenarnya, keretakan berlaku sejak 10 tahun lalu, kami berharap ia akan dipulihkan segera"

Jamaluddin Aripin,
Penduduk

lokasi kejadian.

Rosli berkata, polis dan pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) akan berada di lokasi sepanjang masa bagi memastikan penghuni dan barangan mereka selamat.

Blok perlu dikosong

"Blok itu mesti dikosongkan tengah malam ini dan sesiapa yang ingin mengambil apa-apa daripada unit mereka, harus pergi bersama pegawai yang bertugas di tempat kejadian," katanya.

Rosli berkata, arkitek Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) memerlukan masa antara satu hingga tiga hari untuk mengesahkan status keselamatan flat itu sebelum membuat kerja pemuliharaan atau pembaikan.

"Ia bangunan lama yang dibina pada 1980-an. Arkitek akan melakukan siasatan dan ujian struktur menyeluruh sebelum mereka membenarkan pemiliknya kembali ke unit masing-masing," katanya.

Terdahulu, Pengerusi Persatuan Penduduk Perak Jubli, Mat Sharuddin Yatim menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selepas melihat keretakan teruk pada beberapa tiang di tingkat bawah.

Bangunan itu kemudian diperiksa sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bangi sebelum mengisytiharkan ia tidak selamat didiami.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bangi, Rosman Majid berkata, pemeriksaan awal menunjukkan bangunan itu tidak selamat dihuni.

"Flat berkenaan adalah projek PKNS, (jadi) kami menunggu arkitek mereka dan penilaian Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) sebelum membuat keputusan mengenai pemindahan.

"Oleh kerana IKRAM dan PKNS tidak dapat mengesahkan tahap keselamatan di bangunan berkenaan, lebih baik jika penghuni dipindahkan," katanya.